

UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA  
JABATAN PENGAJIAN PEMBANGUNAN MANUSIA



HIASAN-HIASAN KEPALA LELAKI DAN WANITA KAUM  
MINANGKABAU

PENSYARAH : PN. NAIMAH SALLEH  
PN. AZIAH HASHIM  
CIK ELLI KAMARIAH

UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA  
JABATAN PENGAJIAN PEMBANGUNAN MANUSIA

TAJUK : HIASAN KEPALA LELAKI DAN WANITA KAUM  
MINANGKABAU

DISEDIAKAN OLEH : KAMSIAH KAMARUDIN 20711  
MASTURA KAMARUDIN 22315  
AZIZAH ABDULLAH 21249  
 SHARIFAH SALMAH SYED HARUN 20582

PRAKATA

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan .....	1
----------------------	---

2.0 SEJARAH

2.1 Sejarah Dan Asal-Usul Hiasan Kepala	
-----------------------------------------	--

Minangkabau .....	2
-------------------	---

..

3.0 JENIS-JENIS HIASAN KEPALA

3.1 Hiasan Kepala Tradisi Wanita.....	5
---------------------------------------	---

3.2 Hiasan Kepala Kaum Lelaki.....	9
------------------------------------	---

3.3 Cara Melipat Tengkolok Wanita.	10
------------------------------------	----

Minangkabau

3.4 Pakaian Adat Pengantin .....	16
----------------------------------	----

3.5 Gambar Hiasan Kepala	
--------------------------	--

Pengantin Minangkabau .....	19
-----------------------------	----

4.0 Perkembangan Hiasan Kepala .....	25
--------------------------------------	----

5.0 PENUTUP .....	26
-------------------	----

BIBLIOGRAFI

SENARAI GAMBAR

MUKASURAT

Gambar 1 : Bangunan Teratak Perpatih	3
Gambar 2 : Tengkolok Gonjong	4
Gambar 3 : Bentuk Asal Kain untuk Membuat Tengkolok	II
Gambar 4 : Hiasan-Hiasan Kepala Kaum Wanita	12
Gambar 5 : Hiasan-Hiasan Kepala Lelaki	13 - 15
Gambar 6 : Contoh-contoh Bunga Sunting	19
Gambar 7 : Gambar Hiasan Kepala Bagi Pengantin	20 - 21

## PRAKATA

Bismillahirrahmanirrahim.

Segala puji-pujian bagi Allah s.w.t. Tuhan seru sekalian alam,. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, kaum kerabat serta pengikutnya.

Alhamdulillah kami telah salessai menyediakan kertas projek bertajuk 'Hiqsan-hiasan Kepala Lelaki dan Wanita Kaum Minangkabau'. Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada individu-individu yang terlibat didalam penyediaan kertas projek ini.

Pertamanya berbanyak-banyak terima kasih diucapkan kepada Pn. Naimah, Pn. Aziah serta Cik Elli Kamarish selaku pensyarah kursus Pakcian: Keperluan Asas dan Sekunder ( PWM 351 ), yang telah memberi tunjukajar, nasihat, bimbingan serta dorongan semasa penyediaan kertas kerja ini dijalankan.

Seterusnya, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Norhalim Hj. Ibrahim, pensyarah di Jabatan Sains Kemasyarakatan, Fakulti Pengajian Pendidikan UPM yang telah banyak membantu kami mendapatkan sumber-sumber kajian projek ini.

Tidak dilupakan juga, kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada Hajjah Nurmeah bt. Zainal, Pengurus Kedai Cahaya Nurni, Seremban yang telah banyak memberikan kerjasama kepada penghasilan kertas projek ini.

Tidak ketinggalan juga, ucapan terima kasih kami tujukan kepada pihak Muzium Negeri, Negeri Sembilan, Kompleks Penerangan Pelancongan Malaysia ( MATIC ), Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia ( TDC ) serta Muzium Negara dan individu-individu yang terlibat secara tidak langsung.

Bagitu juga ucapan terima kasih khas kepada ahli-ahli kumpulan yang telah bertungkus lumus menghasilkan kertas projek ini. Kami berharap agar kertas projek ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca.

.4

Sekian Wassalam.

### 3.0 JENIS-JENIS HIASAN KEPALA

#### 3.1 Hiasan Kepala Tradisi Wanita

Di antara hiasan kepala tradisi bagi wanita Minangkabau ialah tengkolok, sanggul, sunting, seludang dan gandek. Kesemua jenis hiasan kepala ini mempunyai erti pemakaianya yang tersendiri pada zaman yang lampau. Fenomena ini masih berlaku di daerah asal kaum Minangkabau, iaitu di Sumatera. Di Negeri Sembilan, hanya terdapat 4 jenis hiasan kepala yang masih dipakai oleh kaum wanita Minangkabau iaitu tengkolok Conjong, tengkolok Payang Kengurai, Gandek, sunting dan sanggul. Pada asalnya, terdapat sembilan jenis tengkolok tradisional yang dipakai oleh wanita Minangkabau. Tengkolok-tengkolok itu terdiri daripada :-

##### 1. Tengkolok Paya Kumbuh atau Tengkolok Lima Puluh Kota.

Bentuknya seperti tanduk terpotong dan mempunyai kerutan. Tengkolok ini juga dikenali sebagai tengkolok Baikek kerana ia diikat setelah dibentuk. Bahagian dalamnya dilapis dengan kain panjang keras dan dibentuk tanduk setelah dilipat. Biasanya tengkolok ini dibuat dengan menggunakan kain songket atau kain bersulam berbunga-bunga besar.

##### 2. Tengkolok Basipek.

Tengkolok ini adalah khas untuk orang tua. Tengkolok ini dilipat di bahagian kedua-dua hujungnya.

##### 3. Tengkolok Berumbai.

Tengkolok ini dipakai oleh wanita muda dan gadis. Di bahagian hujung ekor terdapat rumbai-rumbai.

4. Tengkolok Bacawek.

Tengkolok ini adalah untuk wanita yang berumur 30 tahun ke atas.

5. Tengkolok Baikek Putih.

Digunakan semasa berkabung.

6. Tengkolok Sungayang.

Berasal dari Luhak Tanah Datar . Berbentuk segiempat dan ketinggiannya adalah tiga puluh lima sentimeter (35 sm). Kain basahi hitam bermotif bebas digunakan untuk membuat tengkolok ini.

7. Tengkolok Padang Magek.

Dibuat daripada kain tenun dari sehelai sarung bermotif kain pelekat. Bahagian dalamnya dilapiskan dengan kain putih berenda dan dilipat kedua-duanya, dan si pemakai kelihatan seperti menjunjung kain tersebut.

8. Tengkolok Lintar Buo.

Berasal dari Luhak Tanah Datar. Tengkolok ini mempunyai bentuk mahkota yang bersusun di atas tanduk.

9. Tengkolok Batanduk.

Bentuk tanduk runcing dan hujungnya dilipat ke hadapan dengan rumbai-rumbai. Ia digunakan oleh gadis dan wanita muda .

Tengkolok yang biasa dipakai oleh masyarakat Negeri Sembilan ialah tengkolok Gonjong dan tengkolok Nayang mengurai, yang biasanya berwarna merah. Warna lain yang dipakai adalah warna hijau. Bagi selendang pula, masyarakat Minangkabau memanggilnya sebagai sandang, dan mempunyai beberapa ciri-ciri pemakaian yang khusus. Di antara yang dipakai oleh masyarakat Minang adalah:-

1. Sungkuik Mato.

Merupakan perlengkapan pakaian wanita Payakumbuh yang dipakai di bahagian belakang kepala. Bentuknya adalah empat persegi panjang dan dihiasi dengan ragam hias. Dipasang merupai telekung sembahyang dan diletakkan tengkolok. Ia hanya dipakai oleh wanita yang berumur empat puluh tahun keatas.

2. Selendang atau sandang.

Pengertian selendang adalah untuk kain yang diletakkan di bahu ke depan seperti pemakaian selendang balapak. Pada masa dahulu, selendang berbentuk sarung dipakai, di mana setelah dilipat dimasukkan ke dalam badan dan diletakkan melintang dari bahu kanan ke bahu kiri. Terdapat empat jenis sandang yang dipakai dalam masyarakat Minang iaitu :-

i. Sandang Gobah.

Sandang Gobah ialah kain saludang di Lima Puluh Kota yang mempunyai ragam hias yang menyerupai urai kelapa, pada hiasan yang terdapat pada bahagian hujung bawah. Fungsinya adalah memberikan identiti

bagi wanita berumur 30 tahun. Gadis dilarang memakainya.

ii. Sandang Cukia Kuning

Sandang ini menunjukkan warna geometris kuning yang terdapat dalam jalur besar di bahagian hujung bawahnya. Fungsinya menunjukkan segala kelengkapannya memberikan identiti bagi wanita berumur 40-an sudah mempunyai anak tetapi belum bermenantu.

iii. Sandang Kuriek Putieh dan Tura

Sandang kuriek adalah sandang yang memberikan kesan dasar kain yang bercorak kotak-kotak kecil. Tura bercorak kotak-kotak kecil berwarna merah dan hitam. Sandang ini dipakai oleh wanita yang sudah bermenantu dan bercucu.

iv. Sandang Cukia Ayam-Ayam.

Sandang dengan ragam hias cukia motif ayam-ayam dikombinasikan dengan tengkuluak putih yang dilapis dengan seludang tipis, dan berombak di bahagian luarnya serta memakai sarung bugis. Ia memberikan identiti bagi wanita yang sudah tua.

3. Sunting.

Sunting adalah hiasan kepala yang popular dari dahulu hingga sekarang. Sunting diperbuat daripada logam tembaga bercampur besi dan dicelup emas. Ia terdiri daripada 3, 5 atau 7 tingkat, berdasarkan status si pemakai.

4. Gandek.

Gandek adalah penghias dahi yang berwarna keemasan.

## 5. Sanggul.

Biasanya sanggul yang dipakai atau dibuat untuk dipadankan dengan sunting ialah sanggul lintang dan sanggul siput.


### 3.2 Hiasan Kepala Kaum Lelaki

Hiasan kepala yang dipakai oleh kaum lelaki Minangkabau ialah destar dan saluak. Terdapat beberapa jenis saluak mengikut bentuk tertentu, yang mana ia terdiri daripada saluak lacah kepak ayam dan saluak batimbo. Destar yang sangat popular di kalangan kaum lelaki Minangkabau adalah dikenali sebagai "Dendam Tak Sudah". Hiasan bunga-sunting (sekuntum) disematkan pada destar sebagai penyeri. Sulaman benang emas yang sangat indah biasanya dibuat pada destar atau saluak lacah kepak ayam.



Kain yang digunakan untuk saluak ini ialah kain baju berwarna merah. Warna yang biasa digunakan untuk membuat destar serta tengkolok menggunakan warna merah atau hijau tua kerana ia dianggap sebagai "warna rakyat". Benang emas sulaman akan menambahkan kecantikan saluak ini. Kertas atau kain keras digunakan sebagai lapis sebelah dalam supaya saluak kelihatan keras dan tegak. Saluak dan destar dibezakan melalui cara melipatnya. Warna-warna destar akan membezakan status si pemakai. Warna hitam adalah untuk Datuk Undang, manakala warna merah adalah simbol rakyat biasa.

### 3.3 CARA MELIPAT TENGKOLOK WANITA MINANGKABAU

#### RAJAH 1 : CARA ASAS MELIPAT TENGKOLOK WANITA




1. Bentuk asal kain




2. Sebahagian dari kain diliipat serong ke atas, begitu juga dengan hujung yang satu lagi.

3. Kedua-dua puncak kain diliipat ke belakang dan dikukuhkan dengan menggunakan jarum peniti.




4. Ekor tengkolok ditambahkan di bahagian hadapan, di mana hujung ekor tersebut diletak di bahagian yang bersilang, manakala yang selebihnya dijuraikan di belakang.



5. Pandangan belakang tengkolok beserta ekornya.


Gambar 3 :



Bentuk asal kain untuk membuat tengkolok.

Gambar 4:

HIASAN-HIASAN KEPALA KAUM WANITA



Tengkolok Gonjong : Dihiasi bunga sunting di bahagian dahi.




Tengkolok yang mempunyai jurai yang pendek di hujung kain.



Tengkolok yang mempunyai jurai yang panjang di hujung kain.


HIASAN-HIASAN KEPALA KAUM LELAKI




Destar "Dendam Tak Sudah" : Pandangan dari hadapan.




Destar "Dendam Tak Sudah" : Dihiasi dengan bunga sunting.



Pandangan dari hadapan : Saluak disulam dengan benang emas.



Pandangan dari sisi : Terdapat juga sulaman benang emas di bahagian tepi.




Saluak : Pandangan dari belakang.



Pengurus Kedai Cahaya Murni, Jalan Dato' Abdul Rahman, Seremban : Hajjah Nurmah binti Zainal.

### 3.4 PAKAIAN ADAT PENGANTIN


#### PAKAIAN ADAT (PENGANTIN) MINANGKABAU\*



Pakaian 'Anak Daro' Rantau Pesisir- Padang Gabung Motif Luar (Palembang).

PAKAIAN ADAT (PEEGANTIN)

RIAU : PULAU PENYENGAT



- a. Sunting susun Ekor Merak
- b. Pelam berhias Kepala Merak
- c. Bunga Jurai
- d. Mayang Mengurai
- e. Selendang
- f. Dokoh
- g. Gegempa
- h. Pending
- i. Gelang Porok
- j. Baju Kurung Sengket Bertabur Terengganu
- k. Sarung Songket - kepala kain di hadapan

Gabungan Motif:

Gabungan Motif Melayu Variasi Minang Riau Pulau.

## PAKAIAN ADAT (PENGANTIN) NEGERI SEMBILAN



Gambar: 1

Baju gaya Melayu - Minangkabau (di Kuala Pilah).


Lelaki: berbaju 'Teiuk Bulanga', berlapik dada', samipin songket bertabur, dan berfanjak.

Wanita: Baju kurung burqa bertabur, kain songket kepala berhias, lapik dada, kepala berpatam dan sunting. Paduan Riau dan Minangkabau.

### 3.5 GAMBAR HIASAN KEPALA PENGANTIN MINANGKABAU

Gambar 6 :

Contoh-Contoh Bunga Sunting.



Jenis-jenis sunting yang terdapat di kedai Cahaya Murni : Sunting-sunting tersebut boleh disusun menjadi sunting bertingkat. Kelihatan bunga sunting yang boleh dijadikan hiasan tengkolok atau destar (bahagian bawah di sebelah X, kiri gambar), dan bunga jurai (bahagian tengah , Y)



Pengantin lelaki memakai destar manakala pengantin perempuan memakai sejenis pertam.



Pengantin wanita memakai mahkota, manakala pengantin lelaki memakai saluak.

RAJAH : PAKAIAN ADAT (PENGANTIN)




Pengantin wanita memakai sunting bertingkat dan memakai pertam di dahi.

Pengantin lelaki memakai Dega Bakaruit / Saluak Batimbo.



Satu lagi jenis pakaian adat ( pengantin ) Minangkabau.




Hajjah Nurmah sedang menerangkan tentang hiasan kepala kaum Minangkabau.



Pelajar sedang menemuramah Hajjah Nurmah.

PAKAIAN PENGANTIN LELAKI MINANGKABAU YANG BERASASKAN  
PENGARUH BAJU MELAYU - TELUK BELANGA.

POLA BAJU MELAYU - TELUK BELANGA



- Pengantin Jambi-Batang Hari
- Pengantin Kerinci (Batus Jambi - Minangkabau)
- Penghulu Minangkabau

PAKAIAN CARA MELAYU -  
LIMA SEPERSALINAN



- a. Tanjak/Destar
- b. Baju Kurung Teluk Belanga
- c. Ikat Pinggang/Peding
- d. Samping
- e. Seluar
- f. Keris

Gambar raja menunjukkan pengaruh konsep lima persalinan pakaian raja - sejak tradisi asal kerajaan Melayu Melaka.

## BIBLIOGRAFI

Shafnir Abu Nain. (1980). Pakaian Adat Minangkabau. Kertas kerja Seminar Internasional mengenai Kesusasteraan, Kemasyarakatan dan Kebudayaan Minangkabau, Jilid 2

Siti Zainon Ismail. ( ). Pakaian Cara Melayu Negeri Sembilan Simbolisme Adat Perpatih di Wilayah Rantau Minangkabau. Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, 14, 18-33